



## SIARAN MEDIA

### FAEDAH SIP LEGAKAN OPERATOR KILANG HILANG PEKERJAAN

**SEREMBAN** – Intervensi awal Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) ternyata memberi kelegaan dan kelangsungan harapan kepada sekumpulan pekerja tempatan selepas perkhidmatan mereka dengan dua syarikat pengilangan ternama di sini, ditamatkan.

Langkah pengecilan tenaga kerja yang membawa kepada 526 pekerja hilang mata pencarian di kedua buah syarikat tersebut difahamkan berlaku berikutan isu pengeluaran produk getah dan pembekalan komponen elektronik yang berkurangan sejak tiga tahun kebelakangan ini. Menurut syarikat tersebut, mereka juga mengalami peningkatan kos bahan mentah dan penyelarasan gaji minimum yang memberi kesan terhadap perbelanjaan serta pusingan modal syarikat bagi jangka pendek.

Peka dengan nasib dialami pekerja-pekerja terbabit, Menteri Sumber Manusia, YB Tuan V. Sivakumar, telah menyampaikan **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)** dengan jumlah keseluruhan RM50,000 untuk membantu 30 daripada bekas operator kilang terbabit. Bantuan perlindungan sosial ini, yang menjadi sebahagian daripada manfaat utama di bawah **Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)**, bertujuan meringankan bebanan mereka dari segi kewangan sementara dalam proses mencari pekerjaan baharu. Jumlah keseluruhan bayaran faedah yang dijangka akan dibayar kepada semua 526 orang pekerja terlibat adalah sebanyak RM1.37 juta.

Pencarum Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) layak menerima faedah EMP bagi tempoh tiga hingga enam bulan berturut-turut sekiranya mereka diberhentikan akibat masalah ekonomi syarikat, dengan kadar permulaan 80% purata gaji anggapan selama enam bulan, tertakluk kepada had gaji siling RM5,000. Kadar bagi bulan berikutnya akan menurun kepada 50%, 40%, 40%, 30% dan 30%.

YB Tuan V. Sivakumar ketika menyantuni dan bertanyakan perkembangan bekas operator kilang berkenaan berkata: "Mana-mana majikan yang mengambil keputusan mengecilkan

tenaga kerja harus memberi keutamaan untuk mengekalkan pekerja tempatan berbanding pekerja asing. Selain itu, sekiranya Skim Pemisahan Sukarela (VSS) atau setara dengannya dibuat, pendekatan sama wajar diambil iaitu mengekalkan pekerja tempatan daripada pekerja asing”.

Pada program yang sama, YB Menteri meluangkan masa untuk menyerahkan **Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK)** kepada tiga belia wanita, iaitu Nurul Fatin Atiqa Abdullah (22 Tahun), Nabilah Nur Khairunnisa Ruslan (26 Tahun) dan Preeta a/p Rajenteran (21 Tahun). Nurul Fatin yang bekerja sebagai pembantu jualan mengalami kecederaan pada bahagian lutut, tangan dan jari selepas terbabit dalam kemalangan ketika dalam perjalanan ke tempat kerja. Nabilah yang berkhidmat sebagai pembantu pegawai pula mendapat kecederaan pada bahagian bahu dan tulang rusuk ketika pulang daripada kerja, manakala Preeta cedera pada bahagian jari kaki rentetan kemalangan di tempat kerja. Kesemua mereka layak menerima manfaat **Skim Bencana Pekerjaan menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)**. Bayaran FHUK yang disampaikan oleh YB Tuan V.Sivakumar adalah sebanyak **RM14,202.45** kepada Nurul Fatin, **RM29,908.03** bagi Nabilah dan **RM6,226.90** untuk Preeta. Turut hadir dalam program ini adalah **Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed**.

PERKESO kini melindungi pekerja dalam sektor formal, pekerja domestik, pekerja asing, individu bekerja sendiri dan golongan suri rumah yang layak terhadap musibah seperti kemalangan, penyakit, kematian mahupun kehilangan pekerjaan menerusi **Akta 4, Akta 800, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017** dan **Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022**.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi talian **Careline PERKESO 1-300-22-8000**.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**24 Julai 2023**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-6193181

[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)

Hamisah Hamid

+6019-3833605

[hamisah.hamid@perkeso.gov.my](mailto:hamisah.hamid@perkeso.gov.my)